



CENDERAKENANGAN... Sakaran (tengah) menerima cenderakenangan daripada pelajar UMS selepas sesi temuramah itu.

UB 19/04/2011/A7

## Sakaran ditemuramah pelajar UMS

KOTA KINABALU: Yang Dipertua Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (Usia), Tun Sakaran Dandai (kanan) menjawab soalan ketika ditemuramah oleh sekumpulan lima pelajar dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Ibu Pejabat Usia Jalan Sembulan Kota Kinabalu, baru-baru ini.

Antara soalan yang dikemukakan termasuk latar belakang Usia, matlamat Usia ditubuhkan, peranan Usia dalam menjaga kepentingan masyarakat Islam di Sabah serta program dakwah Usia.

Turut hadir, Naib Yang Dipertua Usia; Datuk Matussin Ag. Damit dan Pemangku Setiausaha Agung Usia; Datuk Arshad Idris.

Sakaran ketika ditemui selepas itu

berkata, Usia adalah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam tertua dan terbesar di Sabah. Sejak ditubuhkan lebih 40 tahun lalu, Usia telah memberi sumbangan yang begitu signifikan khususnya dalam memartabatkan syiar Islam di negeri ini.

“Selain bertanggung jawab dalam memelihara kepentingan masyarakat Islam, Usia juga mencetuskan paradigma baru dalam gerakan Islam di Sabah.”

“Sebab itu, Usia menjadi tumpuan pelajar sama ada dari institut pengajian tinggi awam dan swasta tampil untuk mengetahui secara lebih dekat mengenai fungsi serta sumbangan besar Usia terhadap pembangunan Islam di negeri ini,” katanya.